

04 JUN 1998

Mahathir-Yen

MSIA SEKALI LAGI DAPATKAN PINJAMAN YEN

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 4 Jun (Bernama) -- Dalam apa yang dilihat sebagai suatu perubahan dasar, Malaysia sekali lagi memutuskan untuk mendapatkan pinjaman dalam bentuk yen.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau telah melahirkan keputusan Malaysia untuk mendapatkan pinjaman dalam bentuk yen kepada Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto semasa pertemuan mereka lebih daripada setengah jam malam ini.

Meskipun Malaysia telah berhenti meminjam dalam bentuk yen beberapa tahun lalu apabila nilai matawang tersebut menjadi terlalu mahal disebabkan kenaikan nilainya yang begitu ketara, pinjaman itu kini lebih murah jika dibandingkan dengan pinjaman dalam bentuk matawang utama yang lain seperti dolar Amerika dan pound sterling.

Bercakap pada wartawan Malaysia di akhir lawatan kerja ke Jepun di Okura Hotel di sini, beliau berkata pinjaman dalam bentuk yen akan diperolehi oleh pihak kerajaan dan sektor swasta.

Buat sama sekarang, ringgit diniagakan pada tahap 2.84 bagi tiap 100 yen jika dibandingkan dengan 2.16 setahun lalu dan sekitar 2.30 pada tahun 1996.

Ringgit kini diniagakan sekitar 3.90 berbanding setiap dolar Amerika berbanding 2.40 dua tahun lalu.

Berbanding pound sterling, ringgit kini diniagakan sekitar 6.30 berbanding dengan 4.10 setahun lalu dan sekitar 3.80 pada tahun 1996.

Kemudian, kedua-dua pemimpin tersebut bercakap secara ringkas di persidangan jamuan makan malam di mana Dr Mahathir menyentuh tentang keperluan bagi Jepun meningkatkan pelaburan di Malaysia kerana kemakmuran Kuala Lumpur akan juga memanfaatkan Tokyo.

Beliau berkata wang tersebut akan digunakan untuk pelbagai tujuan termasuklah pembiayaan projek. Jepun malah mempunyai pinjaman khas untuk projek-projek mesra alam.

Ditanya sama ada pinjaman itu akan menawarkan kadar konsesi seperti pinjaman Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) pada awal tahun 80-an atau berdasarkan kadar pasaran, katanya itu akan dirundingkan.

Malahan, pada lewat tahun 80-an dan awal tahun 90-an, oleh kerana kemampuan Malaysia membayar balik pinjaman serta kedudukan kewangannya, negara itu kini tidak lagi layak untuk mendapatkan pinjaman ODA beberapa tahun lalu.

Mengenai sama ada Malaysia akan melaksanakan perubahan utama selanjutnya pada sektor perbankan selepas tertubuhnya Pengurusan Dana Harta Nasional Bhd (Danaharta), syarikat pengurusan aset untuk mengambil alih pinjaman tidak berbayar sistem perbankan, Dr Mahathir berkata: "Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengkaji setiap ciri kemelesetan ekonomi dan bagaimanakah negara-negara lain mengendalikan masalah yang serupa (dalam perbankan)."

Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan Malaysia memperkenalkan skim insurans deposit untuk melengkapi kegiatan Danaharta dalam menjadikan sektor perbankan lebih berdaya tahan.

Menerusi skim seumpama itu, yang difahamkan dibincangkan oleh MTEN, deposit akan diinsuranskan oleh sebuah institusi, dengan itu mengalihkan beban daripada kerajaan yang sekarang terpaksa menjamin deposit orang awam dan dalam proses itu meningkatkan tanggungannya.

Perdana Menteri berkata jika mereka berpendapat cara tersebut yang

digunakan oleh negara-negara lain dalam menangani masalah mereka adalah berkesan, "kita akan berbuat demikian tetapi mungkin mengikut keadaan kita sendiri."

"Kita tidak menolak apa-apa pun," katanya.

Inilah sebabnya MTEN mengkaji setiap ciri kemelesetan ekonomi agar dapat memahaminya dan dengan merujuk pengalaman serupa negara-negara lain dalam menghidupkan semula ekonomi mereka dengan cara memperkuat pasaran modal.

Ditanya sama ada Hashimoto memberi jaminan bahawa Jepun akan terus melabur di Malaysia dan mungkin meningkatkan pelaburan, katanya tiada jaminan dibuat.

-- BERNAMA

MR MFJ MA